

Afifah binti Aduring

lwn.

Muhammad Shahdan bin Sahak

[Mahkamah Rendah Syariah Daerah Seremban, Negeri Sembilan. Kes Mal No: 2303-L0205-251-0290 (Yuhanis Binti Yusop, HMRS)]

[11 Zulkaedah 1445H bersamaan 20.5.2024]

Fakta Kes

[1] Plaintiff dan Defendan telah bernikah pada 30 Mei 2013 dan telah bercerai pada 12 Januari 2021 secara tebus talak.

[2] Hasil perkahwinan di antara Plaintiff dan Defendan, mereka telah dikurniakan dengan dua (2) orang cahaya mata iaitu

- i. Muhammad Syahir bin Muhammad Shahdan, 10 tahun; dan
- ii. Nur Rania Huwaidah binti Muhammad Shahdan, 6 tahun.

[3] Plaintiff telah memfailkan tuntutan nafkah anak pada 24 Mac 2023 di Mahkamah Rendah Syariah Seremban. Plaintiff dalam tuntutannya menuntut nafkah anak merangkumi makan minum, kediaman, petrol dan tol, yuran tadika anak kedua, utiliti, internet dan komunikasi, pampers anak pertama dan susu anak kedua, kelas kemahiran sukan anak pertama dan bayaran transit anak pertama sebanyak RM3,165.54 sebulan.

Manakala nafkah tahunan untuk dua (2) orang anak sebanyak RM3,700.00 berupa perbelanjaan awal persekolahan anak pertama, yuran persekolahan tadika anak kedua, perbelanjaan hari raya, perbelanjaan pakaian harian dan perubatan, yuran PIBG serta duit poket pulang ke kampung di Sabah.

[4] Penyampaian saman telah sempurna kediri Defendan pada 10 April 2023. Defendan tidak bersetuju dengan tuntutan Plaintiff dan telah memfailkan Pembelaan dan Tuntutan Balas pada 15 Mei 2023. Seterusnya Plaintiff melalui peguam syarienyah telah memfailkan Jawapan Kepada Pembelaan pada 22 Jun 2023.

[5] Sepanjang perbicaraan Plaintiff di wakili Puan Sumaiyah Binti Jamil, peguam syarie dari Tetuan Maryam Sumayyah & Associates manakala Defendan tidak diwakili oleh mana-mana peguam syarie.

Diputuskan

[6] Setelah Mahkamah mendengar keterangan Plaintiff dan Defendan secara lisan, dan setelah Mahkamah meneliti dokumen-dokumen yang dikemukakan, keterangan saksi Defendan secara lisan serta hujahan Peguam Syarie Plaintiff dan Defendan, maka Mahkamah dengan ini memerintahkan seperti yang berikut:

1. Mahkamah memerintahkan Defendan membayar nafkah bulanan bagi anak-anak tersebut iaitu Muhammad Syahir bin Muhammad Shahdan dan Nur Rania Huwaidah binti Muhammad Shahdan sebanyak **RM1,194.00** bagi dua orang anak.
2. Cara pembayaran nafkah anak-anak tersebut hendaklah dibayar oleh Defendan dengan memasukkan wang ke akaun bank Plaintiff, CIMB Bank No. akaun: 7039410066 selewat-lewatnya 28hb setiap bulan berkuatkuasa pada bulan Jun 2024.
3. Defendan diperintahkan menanggung perbelanjaan persekolahan anak-anak tersebut dengan membayar yuran persekolahan anak pertama dan anak kedua, yuran PIBG serta membeli pakaian seragam sekolah, baju sukan, buku sekolah dan alatan tulis, kasut sekolah dan lain-lain keperluan persekolahan bermula pada sesi persekolahan tahun 2025.
4. Defendan diperintahkan menanggung perbelanjaan hari raya anak-anak tersebut meliputi baju kurung dan baju melayu lengkap sepersalinan serta sehelai baju, seluar dan sepasang kasut. Mahkamah memerintahkan Defendan menyediakan keperluan tersebut dengan cara Defendan membawa anak-anak tersebut untuk membeli keperluan hari raya.
5. Kegagalan Defendan mematuhi perintah ini akan dikenakan tindakan oleh Mahkamah.

Peguaras Syarie

Plaintif : Puan Sumaiyah binti Jamil, Tetuan Maryam Sumayyah & Associates

Defendan : *tidak diwakili*

Undang-undang Yang Dirujuk

1. Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003, seksyen 4, 61, 73 dan 74(2);

Kitab Yang Dirujuk

1. *I'arah Al Thalibin*, Juzuk Keempat mukasurat 70
2. Surah al-Talaq, ayat 7
3. Surah al-Baqarah ayat 233

Kes yang dirujuk

1. Wan Mohd Kamil bin Wan Abd. Ghani lwn. Rosliza @ Mazwani Binti Mohamed Mustapha, JH XXI/I (1427), Mac 2006 hlmn.145
2. Rokiah lwn Abdul Aziz [1988] 4 (1) JH 156-164
3. Hasanah bt Abdullah lwn Ali b. Muda [1999] 13 (2) JH 159-184
4. Rohana bt. Zakaria lwn. Mokhtar b. Abdul Talib [2009] 27 (2) JH 279-301
5. Faridah Hanim bt Omar lwn Abd. Latif Ashaari [2006] 22 (1) JH 27-45
6. Wan Tam lwn Ismail [1991] 8 (1) JH 55-57
7. Hafizah Indra bt. Abdullah lwn Jamaluddin bin Eusoff, [2006] 22 (1) JH 54,

Penghakiman Yuhanis binti Yusop, HMRS

Bidangkuasa

- [7] Mahkamah berpuashati bahawa Mahkamah ini mempunyai bidangkuasa untuk mendengar kes ini berdasarkan seksyen 4 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003 yang menyatakan seperti berikut:

“Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dengan nyata selainnya, Enakmen ini terpakai bagi semua orang Islam yang tinggal di dalam Negeri Sembilan dan bagi semua orang Islam yang bermastautin dalam Negeri Sembilan tetapi tinggal di luar Negeri Sembilan”.

Berhubung permastautinan Plaintiff, Mahkamah yakin dan berpuashati bahawa Plaintiff telah memenuhi syarat yang diberikan oleh seksyen 4 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003 yang dinyatakan di atas. Oleh itu, Mahkamah memutuskan bahawa Mahkamah Rendah Syariah Daerah Seremban adalah berbidang kuasa mendengar, membicara dan memutuskan tuntutan ini dan isu bidangkuasa tidak dipertikaikan oleh pihak-pihak dalam kes ini.

Mahkamah merujuk seksyen 73(1) Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003 memperuntukkan seperti berikut:

73. (1) Kecuali jika sesuatu perjanjian atau sesuatu perintah Mahkamah memperuntukkan selainnya, maka menjadi kewajipan seseorang lelaki untuk menanggung nafkah anaknya, sama ada anak itu berada dalam jagaannya atau dalam jagaan seseorang lain, sama ada dengan mengadakan bagi mereka tempat tinggal, pakaian, makanan, perubatan, dan pendidikan sebagaimana yang munasabah memandang kepada kemampuan dan taraf kehidupannya atau dengan membayar kosnya.

Seterusnya seksyen 74(2) memperuntukkan:

“(2) Mahkamah adalah juga berkuasa memerintahkan seseorang yang bertanggungjawab di bawah Hukum Syarak supaya membayar atau memberi sumbangan terhadap nafkah seseorang anak jika mahkamah berpuashati bahawa memandang kepada kemampuannya adalah munasabah bagi mahkamah memerintahkan sedemikian”.

Fakta Yang Menjadi Persoalan

- [8] Setelah Mahkamah meneliti keterangan dan dokumen yang dilampirkan, terdapat tiga (3) isu utama yang perlu diberikan perhatian dan pertimbangan wajar sebelum keputusan dibuat:
- a. sama ada Defendan seorang yang bertanggung atau tidak menanggung nafkah anak berdasarkan Hukum Syarak dan undang-undang;
 - b. adakah jumlah tuntutan yang dibuat oleh Plaintif satu jumlah yang munasabah bagi memenuhi keperluan anak-anak tersebut; dan
 - c. isu kemampuan Defendan untuk membayar nafkah untuk dua orang anak.

Isu Pertama: sama ada Defendan seorang yang bertanggung atau tidak menanggung nafkah anak berdasarkan Hukum Syarak dan undang-undang.

- [9] Sepertimana kita sedia maklum, kewajipan nafkah anak ini bergantung kepada kemampuan Defendan sebagai bapa kepada anak tersebut. Firman Allah dalam surah al-Talaq, ayat 7 yang bermaksud:

“Hendaklah orang yang mampu memberi nafkah menurut kemampuannya dan sesiapa yang disempitkan rezekinya, maka hendaklah dia memberi nafkah dari apa yang diberikan Allah kepadanya (sekadar yang mampu). Allah tidak memberati seseorang melainkan (sekadar kemampuan) yang diberikan Allah kepadanya. (Orang-orang yang dalam kesempitan hendaklah ingat bahawa) Allah akan memberikan kesenangan sesudah berlakunya kesusahan”.

- [10] Mahkamah merujuk dalam kes Wan Mohd Kamil bin Wan Abd. Ghani lwn. Rosliza @ Mazwani Binti Mohamed Mustapha, JH XXI/I (1427), Mac 2006 hlmn.145 menukilkan seperti berikut:

“Nafkah merupakan hak bagi seseorang yang merupakan salah satu dari amanah yang mesti diutamakan oleh bapa kepada anak-anak mereka mengikut pandangan Hukum Syarak. Bapa adalah orang yang paling bertanggungjawab dalam menanggung nafkah anak. Mengikut mazhab Shafie bapa dan ke atas yang diwajibkan menanggung nafkah bagi anak”.

[11] Mahkamah juga menegaskan bahawa kewajipan Defendan sebagai bapa kandung kepada anak tersebut telah dinyatakan dalam firman Allah dalam Surah al-Baqarah ayat 233 yang bermaksud:

“.... dan kewajipan bapa pula ialah memberi makan dan pakaian kepada ibu itu menurut cara yang sepatutnya. Tidaklah diberatkan seseorang melainkan menurut kemampuannya. Janganlah menjadikan seseorang ibu itu menderita kerana anaknya dan (jangan juga menjadikan) seseorang bapa itu menderita kerana anaknya”.

[12] Berdasarkan firman Allah tersebut, pertimbangan yang seadilnya perlu dilaksanakan bagi memastikan kedua-dua pihak dalam kes ini mendapat keadilan dan tidak terbeban dengan nilai nafkah sebagaimana yang dinyatakan dalam maksud ayat tersebut di atas.

Hukum Syarak ada memberi garis panduan bagaimana menentukan kadar nafkah isteri dan anak-anak. Secara ringkasnya, garis panduan tersebut merangkumi aspek keperluan anak-anak dan kemampuan bapa atau suami. Bagi nafkah anak-anak pula, diperjelaskan lagi maksud keperluan iaitu merangkumi tempat tinggal, pakaian, makanan, perubatan dan pelajaran selaras dengan seksyen 73 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003. Walau bagaimanapun keperluan anak-anak telah berubah mengikut peredaran zaman dengan pelbagai tafsiran yang dilihat amat bersesuaian dan munasabah. Istilah munasabah ini diguna pakai di dalam undang-undang sebagai suatu kelonggaran kepada Mahkamah untuk melihat keperluan yang asasi dan bukannya kehendak atau keinginan terhadap suatu keperluan yang mendesak.

Isu kedua: adakah jumlah tuntutan yang dibuat oleh Plaintiff satu jumlah yang munasabah bagi memenuhi keperluan anak-anak tersebut.

[13] Plaintiff dalam keterangan utamanya di Mahkamah telah membuat beberapa pindaan secara lisan berhubung butiran perbelanjaan bulanan anak-anak tersebut seperti yang berikut:

- a. kediaman dipinda daripada RM934.54 kepada RM334.00 untuk dua (2) orang anak;
- b. pampers anak pertama RM30.00 dibatalkan;

- c. kelas kemahiran sukan (badminton) anak pertama RM200.00 dibatalkan.
- d. transit anak pertama RM200.00 dibatalkan.

Jumlah tuntutan nafkah bulanan dipinda daripada RM3,165.54 sebulan kepada RM2,132.00 merangkumi kos makan minum, tempat tinggal, petrol dan tol, yuran tadika anak kedua, utiliti, internet dan komunikasi.

Perbelanjaan makan minum

- [14] Plaintiff dalam pecahan tuntutannya menuntut perbelanjaan makan minum RM900.00 sebulan iaitu RM15 x 30 hari x 2 org iaitu RM450.00 seorang. Plaintiff dalam keterangannya mengatakan kos makan minum ini termasuk belanja wang saku harian anak-anak ke sekolah yang diberikan oleh Plaintiff sebanyak RM8.00 sehari. Walau bagaimanapun, Defendan dalam Penyata Pembelaannya bersetuju membayar perbelanjaan makan minum anak sebanyak RM250.00 seorang dan untuk dua anak berjumlah RM500.00.
- [15] Keperluan utama yang menjadi pertimbangan Mahkamah dalam menentukan bentuk nafkah adalah nafkah makanan. Hal ini disebabkan makanan merupakan sumber utama untuk hidup bagi seseorang anak. Di dalam kes *Rokiah lwn Abdul Aziz* [1988] 4 (1) JH 156-164, Kadi Tumpat telah menyatakan “Hukum Syarak telah memperuntukkan bahawa wajib ke atas seseorang itu memberi nafkah makan, pakai dan tempat tinggal kepada orang di bawah tanggungannya terutama terhadap isteri dan anak-anaknya. Begitu juga di dalam kes *Hasanah bt Abdullah lwn Ali b. Muda* [1999] 13 (2) JH 159-184, Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Terengganu telah merujuk satu petikan daripada kitab *al-Fiqh al-Islami wa-Adillatuh* yang bermaksud:

“Fuqaha telah sepakat bahawa kadarnya ialah menurut yang munasabah kepada kanak-kanak tersebut dan mencukupi menurut adat kebiasaan sebuah negara. Kadar nafkah anak yang sedemikian itu dikira berdasarkan makanan, lauk pauk, minuman, pakaian, tempat tinggal dan penyusuan (jika kanak-kanak itu masih lagi menyusu).”

- [16] Mahkamah mendapati dalam menentukan perbelanjaan makan minum ini, Plaintiff hanya mengemukakan resit bayaran secara debit di dalam Ikatan Dokumen Plaintiff. Bayaran-

bayaran tersebut tidak disertakan dengan resit pembelian barang-barang keperluan sama ada barangan mentah atau barangan kering. Walau bagaimanapun, keterangan dokumentar Plaintiff ini tidak dicabar kesahihannya oleh Defendan sepanjang prosiding berlangsung. Ini disebabkan kurangnya pengetahuan Defendan dalam mengendalikan kes secara sendiri tanpa mendapatkan nasihat perundangan dari peguam.

[17] Mahkamah berpandangan kos makan minum yang dituntut untuk kedua-dua anak agak tinggi dan ia juga gagal dibuktikan kepada Mahkamah dengan jelas oleh Plaintiff berhubung asas yang membawa kepada jumlah seperti yang dinyatakan dalam pliding.

Nafkah tempat tinggal

[18] Tuntutan nafkah tempat tinggal yang dituntut oleh Plaintiff untuk dua orang anak pada asalnya RM1401.81 dipinda kepada RM500 bahagi 3 orang iaitu RM167 x 2 orang anak berjumlah RM334.00 sebulan. Oleh yang demikian, tuntutan untuk Defendan menanggung kos nafkah tempat tinggal bagi dua orang anak diluluskan.

[19] Dalam isu keperluan nafkah bulanan ini, setelah Mahkamah mempertimbangkan dengan sewajarnya dengan melihat kepada dua elemen iaitu kemampuan bapa dan keperluan anak-anak tersebut seperti yang diperuntukkan dalam seksyen 73 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003, Mahkamah memutuskan Defendan hendaklah menanggung perbelanjaan makan minum dan wang saku harian anak pertama ke sekolah sebanyak RM360.00 sebulan, manakala kos makan minum dan belanja sekolah anak kedua sebanyak RM300.00. Nafkah tempat tinggal sebanyak RM334.00 untuk dua orang anak. Defendan juga hendaklah menanggung kos utiliti (elektrik dan air) dan bil internet serta kos pengangkutan termasuk minyak dan tol anak-anak ke sekolah sebanyak RM200.00. Jumlah keseluruhan nafkah bulanan kedua-dua anak yang perlu ditanggung oleh Defendan adalah sebanyak **RM1,194.00**. Perincian mengenai nafkah bulanan adalah seperti dalam jadual di bawah:

BIL.	PERKARA	NAFKAH ANAK PERTAMA	NAFKAH ANAK KEDUA	JUMLAH
1.	perbelanjaan makan minum anak pertama (RM6.66 x 30 hari = RM200.00)	RM200.00		RM360.00

2.	wang saku harian anak pertama ke sekolah (RM8.00 x 20 hari= RM160.00)	RM160.00		
3.	perbelanjaan makan minum anak kedua (RM6.66 x 30 hari = RM200.00)		RM200.00	300.00
4.	wang saku harian anak kedua ke sekolah (RM5.00 x 20 hari = RM100.00)		RM100.00	
5.	tempat tinggal RM334 / 2 org	RM167.00	RM167.00	RM334.00
6.	kos utiliti (elektrik dan air) bil internet serta kos pengangkutan (minyak dan tol) anak-anak ke sekolah (RM100 x 2org)	RM100.00	RM100.00	RM200.00
	JUMLAH KESELURUHAN	RM627.00	RM567.00	RM1194.00

Keperluan Perayaan

[20] Plaintiff dalam tuntutananya menuntut perbelanjaan tahunan bagi perayaan sebanyak RM700.00. Walau bagaimanapun, Plaintiff dalam Jawapan kepada Pembelaan bersetuju dengan tawaran Defendan berhubung penyediaan keperluan perayaan anak-anak dibeli dan diuruskan oleh Defendan tertakluk kepada keperluan berikut:

- a. baju kurung dan baju melayu lengkap sepersalinan bagi hari raya pertama; dan
- b. sehelai baju, seluar dan sepasang kasut untuk hari raya kedua.

[21] Mahkamah merujuk kes *Rohana bt. Zakaria lwn. Mokhtar b. Abdul Talib* [2009] 27 (2) JH 279-301. Mahkamah Tinggi Syariah Seremban telah memerintahkan defendan menanggung perbelanjaan dan persiapan hari raya bagi kedua-dua orang anak sebanyak RM 400.00 pada setiap tahun. Dalam kes *Faridah Hanim bt Omar lwn Abd. Latif Ashaari* [2006] 22 (1) JH 27-45, YA Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Pulau Pinang telah memerintahkan pihak defendan membayar perbelanjaan Hari Raya anak-anak sejumlah RM 1,000.00 setahun kepada pihak plaintiff.

[22] Oleh kerana terdapat persetujuan berkaitan nafkah tahunan berhubung perbelanjaan perayaan yang akan dibeli dan diuruskan sendiri oleh Defendan, Mahkamah meluluskan tuntutan pihak-pihak tersebut.

Keperluan persekolahan

[23] Manakala persediaan kelengkapan persekolahan anak-anak, Plaintiff bersetuju dibeli dan diuruskan oleh Defendan seperti di perenggan 11 Jawapan kepada Pembelaan Plaintiff tertakluk kepada keperluan berikut:

- a. 2 pasang pakaian seragam sekolah;
- b. 2 pasang kasut dan stoking;
- c. beg sekolah untuk kedua-dua anak tersebut;
- d. buku sekolah dan peralatan tulis selengkapnya;
- e. baju sukan sekolah;
- f. tambahan alat tulis dan buku latihan sekolah mengikut keperluan semasa anak-anak;
- g. pakaian harian anak-anak dua (2) kali setahun; dan
- h. yuran persekolahan anak pertama dan anak kedua serta yuran PIBG anak-anak ditanggung sepenuhnya oleh Defendan.

[24] Mahkamah merujuk kepada kes *Wan Tam lwn Ismail* [1991] 8 (1) JH 55-57, Kadi Besar telah memutuskan antara lain, pihak Defendan diperintahkan membayar bayaran buku-buku sekolah mengikut senarai yang diberikan oleh sekolah.

[25] Mahkamah tidak berhasrat untuk mengulas lanjut disebabkan pakaian anak-anak tersebut sama ada pakaian harian, pakaian hari raya mahupun pakaian sekolah adalah perkara yang *dharuriyyat* atau keperluan yang diperlukan oleh anak. Mahkamah juga merujuk kepada Kitab *I'annah Al Thalibin*, Juzuk Keempat mukasurat 70 yang menyatakan sebagaimana berikut:

“Wajib memperbaharui pakaian yang tidak kuat selama setahun iaitu dengan memberikannya setiap 6 bulan, bila rosak sebelum umur 6 bulan walaupun bukan kebodohan diri, maka tidak wajib memperbaharui, memperbaharui wajib dengan memberikan pakaian yang masih baru.”

[27] Oleh kerana terdapat persetujuan berkaitan nafkah tahunan berhubung perbelanjaan awal persekolahan Mahkamah meluluskan tuntutan tersebut. Perbelanjaan awal persekolahan hendaklah dibeli dan diuruskan sendiri oleh Defendan merangkumi pakaian sekolah, kasut sekolah, pembelian buku sekolah, keperluan alat tulis, beg sekolah dan lain-lain

keperluan bagi tujuan persekolahan. Defendan juga perlu menanggung yuran persekolahan anak-anak sama ada membayar sendiri kepada pihak sekolah atau memberikan sejumlah wang kepada Plaintiff untuk dibayar kepada pihak sekolah.

Nafkah perubatan

[28] Bagi nafkah perubatan Plaintiff menuntut RM200.00 untuk seorang anak berjumlah RM400.00 bagi dua orang anak. Kos perubatan ini tidak dipersetujui oleh Defendan kerana Defendan mengatakan Plaintiff bekerja sebagai penjawat awam kerajaan yang mana anak-anak boleh di bawa ke klinik atau hospital kerajaan untuk mendapatkan rawatan. Perkara ini boleh dirujuk dalam alasan penafian Defendan dalam Pembelaannya.

[29] Di dalam kes *Hafizah Indra bt. Abdullah lwn Jamaluddin bin Eusoff*, [2006] 22 (1) JH 54, Hakim telah memerintahkan pihak Defendan membayar nafkah tiga anak berjumlah RM500.00 mulai dari tarikh permohonan dibuat iaitu pada bulan Ogos 2001. Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Pulau Pinang di dalam penghakimannya ada menyebut:

“Mahkamah seharusnya menerima keterangan ini kerana ibu yang menjaga anak tersebut adalah lebih arif tentang apa yang telah dibelanjakan oleh beliau. Dan semua orang tidak boleh menerima sekiranya perkara yang dijelaskan itu tidak munasabah. Ini disebabkan semua keperluan anak adalah termasuk pakaian, rumah kediaman dan perubatan anak-anak tersebut.”

[30] Mahkamah melihat masalah anak-anak tentang perubatan ini juga penting dan ianya satu nafkah yang perlu ditanggung oleh Defendan. Cuma perbelanjaan perubatan ini adalah perbelanjaan bermasa dan perbelanjaan ini timbul jika anak-anak sakit dan perlu di bawa ke klinik atau hospital bagi mendapatkan rawatan, jika tidak perbelanjaan ini tidak berbangkit. Mahkamah membenarkan kos rawatan ditanggung sepenuhnya oleh Defendan bagi menjaga kemaslahatan anak-anak tersebut dengan Plaintiff mendahulukan kos rawatan dengan dipersetujui oleh Defendan dan boleh dituntut semula dengan mengemukakan resit asal klinik kepada Defendan.

Duit poket pulang ke kampung di Sabah

[31] Bagi duit poket pulang ke kampung di Sabah, Plaintiff menuntut sebanyak RM400.00 bagi dua orang anak. Plaintiff dalam keterangan utamanya di Mahkamah mengatakan dulu Defendan ada memberikan perbelanjaan RM50.00 seorang, untuk dua orang anak berjumlah RM100.00 untuk perbelanjaan di sana. Perkara ini tidak dipersetujui oleh Defendan. Walau bagaimanapun, Mahkamah percaya semasa tempoh perkahwinan adalah menjadi rutin Defendan memberikan duit poket untuk anak-anak bercuti di kampung Plaintiff di Sabah. Jadi adalah wajar Mahkamah ini mempertimbangkan di mana Defendan perlu menyediakan duit poket kepada anak-anak mengikut kemampuan Defendan.

Isu ketiga: Isu kemampuan Defendan untuk membayar nafkah untuk dua orang anak

[32] Berdasarkan Hukum Syarak dan undang-undang, tiada kadar yang jelas ditetapkan dalam mentaksirkan jumlah nafkah. Hukum syarak dan undang-undang hanya memberi panduan umum. Seksyen 61 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003 memperuntukkan:

“Dalam menentukan jumlah apa-apa nafkah yang hendak dibayar, Mahkamah hendaklah mengasaskan penaksirannya terutama sekali atas kemampuan dan keperluan pihak-pihak itu, tanpa mengira perkadaran nafkah itu berbanding dengan pendapatan orang yang terhadapnya perintah itu dibuat”.

[33] Plaintiff berjaya membuktikan kemampuan Defendan bahawa Defendan bekerja sebagai Penolong Pegawai di Agensi Antidadah Kebangsaan Negeri Sembilan dengan pendapatan bulanan RM4,501.05. Kemampuan Defendan ini disokong dengan slip gaji bulan Januari 2024 yang dikemukakan oleh Defendan di Mahkamah.

[34] Walau bagaimanapun, Defendan melalui pembelaan dan keterangannya di Mahkamah menyatakan beliau tidak mampu membayar jumlah tuntutan yang dituntut oleh Plaintiff bagi nafkah anak-anak. Defendan dalam keterangannya menyatakan perincian tanggungan bulannya merangkumi ansuran kereta RM900.00, insurans kesihatan dan insurans nyawa Defendan, ansuran coway, bil internet (Unifi) RM147.00, utiliti (bil air

RM20 dan elektrik RM200) dan bil telefon bimbit, kos minyak kereta dan ubat *Herbalife* ibu Defendan.

- [35] Mahkamah bersetuju dengan hujah Peguam Plaintiff bahawa Defendan hanya berjaya membuktikan komitmen Defendan berkaitan ansuran bulanan kereta RM900.00, bayaran bil elektrik RM200.00, bil telefon bimbit Defendan RM50.00, kos makan minum RM591.00 dan kos petrol 160.00 semasa perbicaraan dalam ekshibit keterangan dokumentar Defendan dalam Ikatan Dokumen Defendan, menjumlahkan RM1,901.00. Manakala tanggungan lain telah gagal dibuktikan.
- [36] Bagi bayaran ansurans insurans dan ansurans coway tiada polisi atau dokumen dikemukakan di Mahkamah. Sehubungan itu, Mahkamah menolak dakwaan tanggungan tersebut.
- [37] Defendan dalam keterangannya mengatakan bahawa beliau menanggung ubat-ubatan ibu Defendan iaitu pembelian *Herbalife* setiap bulan. Namun tidak dibuktikan dengan laporan perubatan oleh mana-mana pegawai perubatan dan keperluan pengambilan ubatan tersebut serta tahap kesihatan ibu Defendan yang memerlukan ubat-ubatan *Herbalife* tersebut. Defendan telah mengemukakan seorang saksi iaitu Encik Shahrom bin Ishak iaitu abang kandung Defendan. Mahkamah berpandangan saksi Defendan gagal memberikan keterangan membuktikan keperluan pembelian *Herbalife* untuk ibu Defendan. Mahkamah berpandangan *Herbalife* merupakan makanan tambahan (*supplement*) dan bukan ubat-ubatan yang wajib diambil untuk rawatan kesihatan ibu Defendan. Mahkamah berpandangan nafkah seorang ibu adalah tanggungjawab anak lelaki dan sewajarnya ditanggung secara bersama oleh Defendan dan abangnya.
- [38] Mahkamah berpendapat adalah wajar untuk diletakkan satu jumlah yang pada pandangan Mahkamah munasabah dengan kemampuan Defendan dan jumlah ini merupakan keperluan asas anak-anak tersebut.
- [39] Akhir sekali, Mahkamah merakamkan penghargaan kepada Peguam Syarie Plaintiff, Puan Sumaiyah kerana banyak membantu melicinkan proses Mahkamah sepanjang prosiding kes ini berlangsung. Tahniah juga kepada Defendan kerana berusaha sedaya upaya mengendalikan kes ini tanpa diwakili oleh mana-mana peguam.